

Gangguan Perkhidmatan Perbankan Tertentu pada 19 & 20 Ogos 2016

Pelanggan Yang Dihargai,

Sukacita dimaklumkan bahawa kami sedang di dalam proses menaik taraf Kemudahan Perbankan Layan Diri kami untuk kemudahan anda dan demi memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada anda. Bagi membolehkan kerja-kerja naik taraf tersebut dilakukan, beberapa perkhidmatan perbankan tertentu akan mengalami gangguan sementara seperti berikut:

Tarikh & Masa	Perkhidmatan/Saluran
6:00 petang, Jumaat, 19 Ogos 2016 hingga 7:00 malam, Sabtu, 20 Ogos 2016	<ul style="list-style-type: none">• ATM AmBank dan Mesin Deposit Tunai (CDM)• Semua transaksi berkaitan ATM MEPS• Pengeluaran wang di luar negara menerusi Mesin Layan Diri• Pengeluaran wang menggunakan selain daripada Kad AmBank di ATM AmBank• Pindahan Segera Dana Antara Bank (IBFT), Log Masuk Kali Pertama dan Set Semula Kata Laluan melalui AmOnline• Pembelian Runcit dan Dalam Talian menggunakan Kad Debit AmBank

Sebagai usaha untuk mengurangkan gangguan perkhidmatan kepada pelanggan kami, 47 cawangan kami akan beroperasi pada hari Sabtu, 20 Ogos 2016 dari pukul 9:30 pagi – 12:30 tengah hari untuk memenuhi keperluan perbankan anda. Sila klik [disini](#) untuk melihat senarai cawangan yang mengambil bahagian.


Dengan kenaikan taraf ini, efektif Sabtu, 20 Ogos 2016 dari pukul 7:00 malam dan seterusnya, anda akan dapat melakukan fungsi-fungsi baharu berikut di Mesin Layan Diri kami:




Melakukan Pendaftaran & Pembatalan Bil



Menyemak semua status Electronic Share Application (ESA) secara serta merta



Menyemak 5 transaksi terakhir melalui skrin



Menukar had Pindahan Segera Dana Antara Bank (IBFT)

Pada masa yang sama, harap maklum bahawa mulai 20 Ogos 2016 juga, perkhidmatan tambah nilai Touch 'n Go melalui Mesin Layan Diri kami tidak lagi akan disediakan.

Anda dinasihati untuk merancang transaksi anda sewajarnya dan segala kesulitan amatlah dikesali.

Untuk maklumat lanjut, sila ke cawangan AmBank/AmBank Islamic yang terdekat atau hubungi Pusat Panggilan kami di talian 03 2178 8888.

Terima kasih kerana berurusan dengan kami.